

NAMA ..... TINGKATAN .....

**MODUL PINTAS 2024**  
**TINGKATAN 5**

**1103/2**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

2 jam 30 minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata sendi nama** dan **dua kata hubung**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata sendi nama** dan **kata hubung** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Destinasi utama yang kita kunjungi ialah ladang teh yang seyojana mata memandang. Setelah itu, kita akan ke kawasan penanaman bunga ros kerana bunga-bunga dengan Tanah Tinggi Cameron bagai irama dengan lagu yang tidak dapat dipisahkan. Selain ros, terdapat juga bunga-bunga lain seperti lavender dan bunga matahari yang ditanam di situ. Hidup ini memang penuh dengan onak dan duri, namun itulah yang menjadikan hidup ini indah. Begitu juga dengan pelbagai spesies bunga kaktus yang bakal kita saksikan. Walaupun diselaputi duri, kaktus tetap unik dan digemari.

Dipetik daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,  
*Kementerian Pendidikan Malaysia.*

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah, kemudian kenal pasti dan tulis frasa-frasa yang **bergaris** dalam petikan ini sama ada tergolong sebagai **frasa nama**, **frasa kerja**, **frasa adjektif** atau **frasa sendi nama**. Anda perlu menulis jawapan mengikut contoh seperti di bawah.*

Contoh:

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) – Frasa Nama

SHAH ALAM - *Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)* telah banyak melaksanakan usaha memartabatkan sistem pendidikan negara bagi melahirkan modal insan yang berketerampilan tinggi serta mampu membawa manfaat besar kepada kemajuan negara pada masa depan. Komitmen KPM itu dibuktikan melalui penekanan pada konsep pendidikan manusiawi yang memberikan fokus dan penekanan kepada aspek manusiawi serta nilai-nilai yang didorong dengan penghayatan kasih sayang dan saling menghormati. Pendidikan manusiawi mengangkat martabat individu dengan memberikan peluang pendidikan terbaik bagi setiap murid dan memastikan tiada sesiapa yang tercicir. Sesungguhnya, inisiatif KPM ini sangat terpuji untuk memastikan setiap murid mempunyai peluang pendidikan.

Sumber: [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

[6 markah]

- 3 *Baca pemberitahuan di bawah dengan teliti. Pemberitahuan tersebut mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin ayat-ayat dalam pemberitahuan tersebut.*

## **MAJLIS PERBANDARAN SERI JAYA**

### **PEMBERITAHUAN**

Kawasan ini adalah dibawah kawalan Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Seri Jaya) 2005. Tuan/puan adalah dilarang untuk melakukan perkara yang berikut pada harta yang dimiliki oleh Majlis, iaitu:

1. Menulis, melukis, mencat, menyembur, menanda, mencakar, mencalar atau mengukir apa-apa perkataan, slogan, karikatur, simbol atau apa-apa jua;
2. Memasang, melekatkan, menampalkan, menunjukkan atau mempamerkan apa-apa poster, pelekat, iklan, surat, peringatan, kertas, memo, notis atau lain-lain dokumen;
3. Menggantung, menyangkut, menaikkan, melekatkan atau mempamerkan apa-apa bendera, panji, sepanduk atau yang menyerupainya;
4. Memakukan, mengikat, menyimpul atau merantai apa-apa benda pada harta Majlis;
5. Mengotorkan atau mencemarkan air di mana-mana pancaran air, kolam renang, sungai, tasik atau anak sungai di bawah jagaan dan kawalan Majlis;
6. Memotong, menggali, mengalih, memetik, membantun, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan di taman rekreasi Majlis;
7. Menunggang, memandu, menolak atau menarik apa-apa kenderaan samada yang digerakkan secara mekanikal atau meluncur;
8. Melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kerosakkan kepada harta Majlis.

Mana-mana orang yang disabitkan kesalahan boleh dihukum RM 2,000.00 atau dipenjarakan selama satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Dengan suruhan,  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Seri Jaya.**

[11 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya “Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’,  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua** peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian, berikan **maksud** peribahasa tersebut.*

Sebagai rakyat yang berintegriti, kita perlu memastikan bahawa sewaktu kita menjalankan tugas, tiada jalan pintas untuk mencapai matlamat, sebaliknya kita harus bekerja umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung. Walau bagaimanapun, sesetengah individu terlalu menitikberatkan kesempurnaan. Mereka senantiasa meletakkan harapan yang terlalu tinggi dan berdoa semoga semua yang diperoleh adalah yang terbaik dan tiada sedikit pun cacat cela. Padahal, kita perlulah sedar bahawa gading mana yang tidak retak.

[4 markah]

**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Jika Indonesia terkenal dengan urutan Bali dan Thailand pula dengan urutan ikoniknya, negara kita boleh berbangga memiliki urutan Malaysia. Meskipun urutan Malaysia agak asing tetapi itulah keunikan yang boleh dibanggakan rakyat Malaysia. Yang menariknya, urutan itu ialah gabungan pelbagai etnik kaum yang ada di Malaysia. Urutan badan yang merangkumi teknik urutan Melayu, orang Asli dan refleksologi yang menyasarkan keseluruhan bahagian badan adalah untuk melegakan kelesuan dan *meredakan tekanan* seterusnya mengembalikan kesegaran badan. Keistimewaan rawatan yang ditawarkan bukan saja membantu melancarkan peredaran darah pada kaki malah melegakan sengal dan lenguh.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
'Urutan Malaysia',  
oleh Yusliza Yakimir Abd Talib,  
[www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my).

**Bahan 2**

Kiropraktik ialah satu kaedah alternatif yang semakin mendapat perhatian di Malaysia. Rawatan ini merupakan salah satu cabang rawatan alternatif selain perubatan konvensional yang sedia ada seperti ubat-ubatan dan pembedahan. Rawatan kiropraktik ialah teknik memanipulasi tulang belakang, sendi dan otot untuk kembali ke kedudukan asalnya. Kaedah rawatan kiropraktik sebenarnya berupaya mengurangkan kesakitan dan meningkatkan fungsi mekanikal atau pergerakan seseorang. Kiropraktik juga dapat mengatasi masalah saraf tersepit yang boleh mengakibatkan banyak masalah kesihatan seperti kebas, tegang urat, sakit pinggang, sakit belikat, sakit bahu dan sakit kepala.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
'Rawatan Kiropraktik Malaysia',  
oleh As Zulqa,  
[aszulqa.com/blog](http://aszulqa.com/blog).

Bahan 3



- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *meredakan tekanan*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan kebaikan-kebaikan rawatan urutan kepada pesakit. [4 markah]
- (iii) Akhir-akhir ini, rawatan alternatif semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.  
Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku? [3 markah]
- (iv) Ibu anda menghidap penyakit diabetes yang kronik. Namun begitu, dia tidak mahu berjumpa dengan doktor untuk mendapatkan rawatan.  
Sebagai seorang anak, nyatakan langkah-langkah yang perlu anda ambil untuk mengatasi masalah ini. [4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

**Pahlawan Kemerdekaan**  
(kepada pahlawan Pahang)

Pahlawan!  
jika hilangmu tanpa pusara  
jika pusaramu tanpa nama  
jika namamu tanpa bunga  
penjajah mengatakan kau derhaka  
maka kaulah pahlawan sebenarnya.

Gema seabad silam  
Inggeris datang meredah Pahang  
bersama peluru bersama senapang  
membunuh menangkap setiap pejuang.

Sungai Semantan berubah merah  
bukan sarap hilir ke kuala  
bukan rakit mudik ke hulu  
arus merahnya menjulang mayat  
pahlawan bangsa pahlawan rakyat  
tujuh liang dadanya tersayat.

Pahlawan!  
untukmu derita untukmu penjara  
bukan bintang tersemat di dada  
semangatmu api negara berdaulat  
namamu terukir di jantung rakyat.

Usman Awang  
Puisi-puisi Pilihan  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

<b>Bahan 2</b>
----------------

Ahmad Mutawakkil, sudah jarang-jarang benar balik ke kampung. Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar. Tahun 1952, dalam usia 24 tahun, dia dipilih menduduki kerusi pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah.

Tidak cukup dengan tanggungjawabnya ke sana sini untuk berceramah, Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar. Dia juga terkenal sebagai wartawan. Tulisannya banyak merangsang orang Melayu untuk bersiap sedia mengisi kemerdekaan.

“Jangan nanti selepas merdeka, kita jadi macam kera mendapat bunga.” Untuk merdeka, katanya, perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.

“Malah, demi mengisi kemerdekaan, kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita. Kita pasti akan merdeka, dan untuk itu, kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa kita ....”

Akhirnya, selepas berbulan-bulan lamanya, Ahmad Mutawakkil menghilang, satu hari, pecahlah berita tentang kepulangnya. Oleh sebab namanya sebagai wartawan masyhur disebut orang di sana sini, Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu.

Dipetik daripada cerpen Cinta Ahmad Mutawakkil,  
oleh Zainal Rashid Ahmad,  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan tanggungjawab-tanggungjawab Ahmad Mutawakkil. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan layanan penjajah terhadap para pejuang. [3 markah]
- (iii) Pahlawan seperti Mat Kilau, Leftenan Adnan dan Tok Janggut sememangnya banyak menyumbang kepada kemerdekaan tanah air.  
Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk memastikan jasa mereka kekal subur dalam kalangan masyarakat? [3 markah]
- (iv) Pada suatu petang, anda dan rakan-rakan telah terbaca rencana tentang luahan seorang pejuang negara yang jasanya dilupakan oleh masyarakat.  
Sebagai pengerusi Persatuan Sejarah di sekolah anda, cadangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk memperingati jasa tokoh-tokoh pejuang negara. [4 markah]



8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Nada pesimis terasa menyanggah harapan tinggi mengeksploitasi kecantikan bagi meraih kejayaan dalam kerjaya setelah mengubah wajah yang diimpikan. Waheeda terkedu.

“Saya hanya menyebut kata-kata Socrates ahli falsafah Greek yang tersohor pada kurun ke-9 Masihi,” katanya sambil tersenyum menyedari Waheeda mungkin tersinggung oleh kata-kata yang terpacul secara spontan. Sensori kesal menyelimuti wajah Dr. Rushdi kerana menimbulkan sensitiviti fizikal tanpa berfikir panjang.

“Kecantikan merupakan hadiah pertama daripada alam kepada kita,” Dr. Rushdi segera berusaha menepis gelabah yang dibina tanpa dirancang. Mata biru kehijauannya bersalut simpati menjamah wajah manis Waheeda.

“Kecantikan juga yang pertama diambil-Nya,” sambungnya. “Kita jangan terlalu bergantung pada keadaan fizikal, kerana kecantikan akan lenyap ditelan usia. Sebab itu kecantikan tidak mampu bertahan lama.”

Dipetik daripada novel *Tirani*,  
karya Beb Sabariah,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan pandangan Dr. Rushdi tentang kecantikan.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang perlu dihindari dalam kehidupan bagi setiap novel.

[6 markah]

**BAHAGIAN C: RUMUSAN**

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

**Bahan 1**

Mungkin banyak orang yang tidak menyedari bahawa Malaysia kini diancam masalah kepupusan serius pelbagai jenis hidupan liar. Statistik Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) pada tahun 2018 jelas membuktikan kematian hidupan liar dari tahun ke tahun menunjukkan peningkatan. Yang lebih memmeranjatkan ialah terdapat beberapa spesies haiwan liar yang kini dikatakan sudah pupus dan tidak lagi ditemui di habitat asalnya di hutan simpan kekal mahupun taman negara di Malaysia.

Sikap manusia yang rakus dan tidak bertimbang rasa menjadi antara penyebab utama berlakunya kepupusan hidupan liar. Dasar-dasar perlindungan dan pemuliharaan hutan serta hidupan liar pula masih belum cukup mantap untuk mengekang kepupusan haiwan liar. Selain itu, kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran untuk tujuan pertanian dan pembangunan turut menjadi penyebab perkara ini berlaku. Tambahan pula, haiwan-haiwan seperti rusa sambar, harimau belang, seladang dan beruang matahari lambat membiak dan melahirkan anak. Hal ini memberikan kesan kepada pembiakan spesies berkenaan kerana hidupan liar ialah aset yang sangat penting dalam persekitaran dan ekosistem kita serta perlu dikekalkan kewujudannya. Oleh itu, pihak berkuasa perlu menangani masalah ini melalui perkongsian maklumat meliputi agensi kerajaan dan agensi lain yang berkaitan. Seterusnya, penguatkuasaan undang-undang hidupan liar perlulah diperkukuh secara tegas.

Sebagai kesimpulannya, pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar merupakan tanggungjawab bersama. Oleh sebab itu, masyarakat wajarlah menyedari tanggungjawab untuk melindungi hidupan liar seperti tidak menyokong produk berasaskan hidupan liar. Kepupusan spesies hidupan liar mungkin tidak memberikan impak yang besar kepada manusia tetapi memberikan kesan yang sangat negatif kepada keseimbangan ekosistem.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
'Ambil Peduli Kelestarian Hidupan Liar Negara',  
oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman,  
[www.bernama.com](http://www.bernama.com).

**Bahan 2****HIDUPAN BUMI**

Saat ini hutanku tak hijau lagi  
meranti, cengal, merbau  
rakus ditebang dari tanah  
oleh si pembalak haram  
hingga tiada lagi akarmu  
juga kelihatan  
berkeliaran lari dan mati  
Si Raja Rimba, sumbu Sumatera.

Tangan-tangan rakus manusia  
menyalakan api  
pohon-pohon dibumihanguskan.

Rakusnya manusia tiada fikiran  
dicampaknya sampah tanpa kasihan  
asid dan minyak dibuang sembarangan  
hutan kini tinggal menyisakan ceritanya.

Masih belum terlambat untuk kita  
memelihara khazanah alami  
didiklah generasimu bersikap cakna  
kesedaran berterusan dipupuk dalam diri  
kerana  
apa yang nak diceritakan  
tentang bumi yang kian sakit ini  
kepada generasi seterusnya.

Wandi  
Selayang, Selangor.

**Bahan 3**

- Julia : Baru-baru ini saya ada terbaca berita tentang hidupan liar di negara kita. Berita tersebut menyatakan hidupan liar di negara kita semakin pupus. Hal ini akan menyebabkan ketidakseimbangan ekosistem berlaku.
- Atirah : Benar Julia, pengecilan habitat akan terjadi kepada hidupan liar.
- Julia : Yang lebih kasihan ialah rantai makanan semua hidupan termasuk kita turut terjejas.
- Atirah : Oh, dahsyatnya! Kalau begini semua pihak perlu bertindak untuk mengatasi isu ini.
- Julia : Betul tu. Jangan nanti sudah terhantuk baru tengadah. Sayang, semuanya sudah terlambat.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**